



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
(Ministry of Health Malaysia)  
Bahagian Pengurusan Latihan  
Aras 3 & 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8885 0748  
Web : latihan.moh.gov.my

Ruj: KKM.500/3/4/9 Jld.6 (12 )  
Tarikh: 18 April 2018

## SEPERTI DISENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **TAWARAN PERMOHONAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DIPLOMA SISWAZAH DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH / SARJANA KAUNSELING (PENYALAHGUNAAN DADAH) SESI 2018/2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mempelawa permohonan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengikuti **Kursus Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah/ Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)** bagi sesi 2018/2019 secara sepenuh masa.

#### **SYARAT- SYARAT PERMOHONAN**

3. Semua permohonan mesti memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran JPA (I) S.179/17/2-8 Klt.5 (22) dan boleh dimuat turun di laman web <http://esilav2.jpa.gov.my>.

#### **CARA MEMOHON**

4. Pemohon perlu melayari dan memohon secara online melalui laman web JPA seperti yang tersebut di atas.

5. Pemohon adalah dinasihatkan untuk memahami syarat dan tatacara permohonan Kursus Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah / Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah) bagi mengelakkan permohonan ditolak. **Ketua Jabatan juga seharusnya mempertimbangkan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan.**



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO : AR 4783

6. Pemohon perlu melengkapkan dan menghantar:-
- a) Borang Permohonan Online JPA (**Lampiran A** – JPA(L)LDP 1B/96) yang dicetak daripada sistem permohonan <http://esilav2.jpa.gov.my>.
  - b) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**Lampiran B**) tidak perlu diisi oleh pemohon dan akan dilengkapkan oleh urusetia di Bahagian Pengurusan Latihan;
  - c) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**Lampiran C**);
  - d) Salinan Ijazah Pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah /PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya;
  - e) Salinan Senarai Tugas;
  - f) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
  - g) Surat permohonan tawaran daripada Jabatan; dan
  - h) Salinan Buku Perkhidmatan yang terkini dan disahkan.
7. Dokumen yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar sebanyak 3 salinan berserta salinan Buku Perkhidmatan terkini sebelum **25 April 2018** kepada:-

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1  
Cawangan Operasi Latihan  
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM  
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3  
62675, Putrajaya  
(u/p: Pn.Nur Hanani Salammat)

8. Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan tawaran ini boleh dirujuk ke Unit Latihan dalam Perkhidmatan 1, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM seperti berikut:

Pn. Nur Hanani Binti Salammat  
Penolong Setiausaha Kanan  
E.mail: [nurhanani.s@moh.gov.my](mailto:nurhanani.s@moh.gov.my)  
No. Telefon: 03-8885 0772  
No. Faks: 03-8885 0746

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua anggota yang berminat dan berkelayakkan di Jabatan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memohon permohonan kursus ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(RUSLI BIN HARUN)**

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

**s.k.**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,  
Bahagian Kejururawatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

## **SENARAI EDARAN**

Semua Pengarah Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Institusi - Institusi Latihan KKM